



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***MANIFESTASI RIADAH DALAM NASKHAH EPIK DAN HISTORIOGRAFI
MELAYU TERPILIH***

KHAIRUL ZAINIE JASNI

FBMK 2020 55



**MANIFESTASI RIADAH DALAM NASKHAH EPIK DAN HISTORIOGRAFI
MELAYU TERPILIH**

oleh

KHAIRUL ZAINIE BIN JASNI

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Disember 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani
Ku panjatkan doa syukur atas kurniaannya
Nikmat yang tidak terhingga.

Bonda dan Ayahanda tercinta
Tanpa putus mengirimkan doa dan restu
Keluarga tercinta
Memberi sokongan tidak terkira

Penyelia yang dikasihi
Tanpa jemu memberi ilmu
Dr. Salmah Jan Noor Muhammad
Terima kasih tidak terkira
Moga Allah merahmatimu

Buat rakan seperjuangan
Memberi titipan kata semangat
Moga dilindungi Allah jua

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan ijazah Master Sastera

**MANIFESTASI RIADAH DALAM NASKHAH EPIK DAN HISTORIOGRAFI
MELAYU TERPILIH**

Oleh

KHAIRUL ZAINIE BIN JASNI

Disember 2019

Pengerusi : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Golongan raja dan pembesar menjalankan riadah sebagai sebahagian daripada cara mengekalkan kesihatan tubuh badan secara keseluruhan. Namun demikian, perbincangan tentang riadah yang terdapat dalam karya Melayu tradisional masih kurang menjadi topik perbincangan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Peranan riadah merangkumi pembentukan sahsiah dan keperibadian raja-raja dalam hubungannya dengan pemerintahan negara. Justeru, bahan yang akan digunakan ialah naskhah epik dan historiografi Melayu terpilih akan digunakan untuk meneliti manifestasi riadah. Naskhah yang digunakan ialah *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Raja Pasai*, *Misa Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Objektif kajian ini ialah mengkategorikan manifestasi riadah dalam naskhah, seterusnya menganalisis manifestasi riadah yang dilaksanakan oleh raja-raja dalam naskhah epik dan historiografi Melayu terpilih dan merumuskan peranan riadah raja-raja dalam naskhah epik dan historiografi Melayu terpilih. Kaedah kajian yang akan digunakan ialah kaedah kepustakaan dan akan bersandarkan kepada pendekatan gabungan oleh pengkaji-pengkaji yang membincangkan tentang riadah. Dapatan kajian akan membincangkan empat kategori riadah iaitu riadah jasmani, rohani, emosi dan intelek berdasarkan kepada pendekatan gabungan yang diperkenalkan. Manakala dapatan bagi objektif ketiga akan merumuskan peranan riadah terhadap aspek pemerintahan, ekonomi dan sosial. Kesimpulannya, manifestasi riadah yang dijalankan oleh raja-raja Melayu dalam naskhah mampu memberikan satu dapatan baharu dalam kepustakaan Melayu dan seterusnya mengetengahkan kegemilangan kerajaan Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**MANIFESTATIONS OF RECREATION FROM SELECTED MALAY EPICS AND
HISTORIOGRAPHIES**

By

KHAIRUL ZAINIE BIN JASNI

December 2019

Chairman : Salmah Jan Noor Muhammd, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Kings and officials practiced recreation as one of the ways to generally maintain health. However, research on recreation in traditional Malayan opus is still insufficiently discussed by past researchers. Recreation played a vital role which includes shaping the personality and morality of kings in regard to governing a country. Therefore, selected materials such as epic manuscripts and Malayan historographies will be used to investigate the manifestations of recreation. Among the focused manuscripts are the *Sulalatus Salatin*, the *Hikayat Hang Tuah*, the *Hikayat Raja Pasai*, the *Misa Melayu* and the *Hikayat Merong Mahawangsa*. The objective of this research is to categorise the manifestations of recreation, then analyse them while subsequently conclude the roles of recreation practiced by kings in the selected epic manuscripts as well as Malayan historographies. The research method that will be used is the literary method based on an analytical framework which combines scientific perspectives from scholars and researchers that discussed recreation. The result of this research will discuss four categories of recreation which are physical, spiritual, emotional and intellectual based on the analytical framework. Meanwhile, the finding of the third objective will conclude the roles of recreation in terms of administration, economy and social aspects. In conclusion, the manifestations of recreation that were practiced by Malayan kings in the manuscripts can produce a new finding in Malay literature and consequently demonstrate the glory of Malayan kingdoms.

PENGHARGAAN

Bismillahirahmannirahim....

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang...
Selawat dan Salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan sahabat baginda.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah taala kerana dengan izinnya saya dapat menyiapkan tesis master ini dengan jayanya. Hasilnya dapatlah saya menyiapkan tugasan yang bertajuk "Ilmu Riadah dalam Karya Epik dan Historiografi Melayu Terpilih".

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Salmah Jan Noor Muhammad, penyelia tesis ini kerana banyak membantu dan sedia meluangkan masa memberi teguran dan tunjuk ajar serta sokongan kepada saya dalam melengkapkan kajian ini. Buah fikiran yang diberikan sangat saya hargai. Selain itu, ucapan terima kasih juga didedikasikan kepada semua pihak yang telah memudahkan sepanjang proses untuk mengumpul bahan. Terima kasih juga ditujukan pihak Wisata Minda, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, Perpustakaan Za'ba UM, Pusat Manusrip Melayu dan Perpustakaan Negara di atas kerjasama dan kemudahan yang telah diberikan.

Seterusnya, tidak lupa juga dikirimkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada rakan seperjuangan dan orang perseorangan yang terlibat secara tidak langsung dalam memberi nasihat dan pandangan serta penggunaan bahan yang berkaitan sepanjang melengkapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada seluruh ahli keluarga saya terutamanya ayah dan ibu yang sentiasa memberikan sokongan moral agar saya berjaya melaksanakan tugasan ini. Semoga Allah S.W.T merahmati kalian dan keluarga. Akhir kata, diharapkan agar kajian yang dihasilkan ini akan dapat memberi manfaat kepada semua. Sekian, salam hormat.

KHAIRUL ZAINIE BIN JASNI
GS51598
NO. 45 Kampung Beradek
Jalan Bako, 93050, Kuching
Sarawak.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Salmah Jan Noor Muhammad, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Nik Rafidah Nik Muhammad Affandi, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Professor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Date: 10 Disember 2020

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama and No Matrik :Khairul Zainie Bin Jasni, GS51598

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan :	Profesor Madya Dr. Salmah Jan Noor Muhammad
--	--

Tandatangan :

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan	Profesor Madya dr. Nik Rafidah Nik Muhammad Affandi
---	--

SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat	
ABSTRACT	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI SINGKATAN	x

BAB

1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	6
1.6 Definisi Operasional	8
1.7 Kesimpulan	10
2 SOROTAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kajian Terhadap Aspek Riadah	12
2.3 Kesimpulan	21
3 METODOLOGI KAJIAN	22
3.1 Pengenalan	22
3.2 Kaedah kepustakaan	22
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	22
3.2.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks	22
3.3 Tatacara Kajian	23
3.3.1 Proses Pengumpulan Data	23
3.3.2 Analisis Data	23
3.4 Riadah : Satu Kerangka Analisis	24
3.4.1 Riadah Jasmani	25
3.4.2 Riadah Rohani	26
3.4.3 Riadah Emosi	27
3.4.4 Riadah Intelek	28
3.5 Aplikasi Pendekatan Gabungan	29
3.6 Kesimpulan	29
4 MANIFESTASI RIADAH DALAM EPIK DAN HISTORIOGRAFI MELAYU	31
4.1 Pengenalan	31
4.1.1 Riadah Jasmani	31
4.1.2 Riadah Rohani	51

4.1.3	Riadah Emosi	56
4.1.4	Riadah Intelek	64
4.2	Kesimpulan	72
5	PERANAN RIADAH RAJA-RAJA DALAM NASKHAH EPID DAN HISTORIOGRAFI MELAYU TERPILIH	74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Aspek Pemerintahan dan Pentadbiran	74
5.2.1	Meningkatkan Imej Raja-raja Melayu	74
5.2.2	Meningkatkan Keselamatan dan Pertahanan	76
5.2.3	Menjalinkan Hubungan diplomatik	80
5.3	Aspek Ekonomi	81
5.3.1	Penerokaan Sumber Alam	82
5.4	Aspek Sosial dan Kebudayaan	84
5.4.1	Kekayaan Warisan dan Kebudayaan Melayu	85
5.5	Kesimpulan	89
6	PENUTUP	90
6.1	Pengenalan	90
6.2	Rumusan	90
6.3	Cadangan	92
6.4	Kesimpulan	93
BIBLIOGRAFI		94
BIODATA PELAJAR		112
SENARAI PENERBITAN		113

SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
UM	Universiti Malaya
ATMA	Institusi Alam dan Tamadun Melayu



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Genre kesusasteraan Melayu merupakan satu bidang yang cukup luas untuk dibicarakan dalam perkembangan bidang ilmu. Kekayaan genre kesusasteraan Melayu tradisional menggambarkan peradaban dan martabat sesuatu bangsa. Pada peringkat awal, bidang kesusasteraan Melayu diperkenalkan dengan sastera rakyat iaitu tradisi sastera lisan diikuti dengan genre-genre lain antaranya sastera hikayat, sastera panji, sastera epik, sastera sejarah, cerita nabi dan tokoh Islam, sastera kitab dan sastera undang-undang dan ketatanegaraan (Harun Mat Piah, et. al. 2006: xix). Kepelbagaiannya bidang dalam kesusasteraan tidak menjadikan sastera sebagai satu bidang estetika semata-mata malah turut menyentuh kepada bidang kemanusiaan.

Pada tahun 1993, terdapat satu genre baharu yang diperkenalkan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional menerusi penyelidikan yang diketuai oleh Harun Mat Piah. Harun Mat Piah (2006: 505) menyatakan genre ini meliputi karya-karya yang bersifat ilmu iaitu pengajaran, pemahaman dan amalan secara formal. Genre yang diperkenalkan ialah Kepustakaan Ilmu Tradisional yang merangkumi beberapa jenis ilmu iaitu ilmu bintang, ilmu penujuman, ilmu falak, ilmu tanaman, ilmu bedil, ilmu pertukangan, ilmu perubatan dan ilmu berahi. Justeru, genre ini berkait rapat dalam kehidupan masyarakat Melayu zaman dahulu dan ilmu-ilmu ini dapat memberikan manfaat dalam kehidupan manusia. Selain itu, genre ini juga menggambarkan bahawa orang Melayu bukan sahaja menekankan keindahan malahan juga memberi penekanan terhadap intelektual secara tersirat.

Salmah Jan Noor Muhammad (2018: 124) menyatakan bahawa pustaka Melayu sebagai sebuah koleksi ilmu yang dicipta oleh orang Melayu berpandukan kepada pemerhatian terhadap alam sekeliling. Penciptaan tersebut bertujuan untuk melindungi diri daripada musibah dan menyelesaikan masalah. Manakala, Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah (2015: 13) menyatakan kepustakaan ilmu tradisional yang diperkenalkan oleh Harun Mat Piah digunakan oleh pengkaji untuk menelaah bidang kesusasteraan Melayu dengan memperlihatkan konsep ilmu dalam naskhah sebagai sebahagian daripada korpus yang bersifat ilmu pengetahuan, pedoman dan kepercayaan dalam konteks pengamalan ilmu tersebut.

Sehubungan dengan itu, Siti Hajar dalam Jelani Harun (2004: vii) menyatakan bahawa kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia

dan perkara-perkara yang melibatkan hubungan manusia dengan kehidupan rohani. Sastera mampu melahirkan keperibadian yang kaya denganimbangan emosi, nilai dan roh kehidupan. Sastera mampu memberikan sumbangan dan pulangan yang berharga kepada manusia merangkumi aspek jasmani, rohani dan rabbaniyah. Jelani Harun (2004: vii) menjelaskan ilmu kesusasteraan merupakan satu cabang ilmu pengetahuan yang lain seperti ilmu agama, falsafah, budaya, politik, perubatan dan undang-undang. Berdasarkan perbincangan di atas, kepustakaan ilmu tradisional merupakan satu bidang ilmu yang menjelaskan tentang kebijaksanaan orang Melayu dalam tradisi keilmuan. Ilmu disampaikan melalui penulisan manuskrip oleh pengarang sebagai warisan yang ditinggalkan untuk generasi akan datang.

Beberapa kajian kepustakaan ilmu tradisional telah dijalankan oleh pengkaji yang menyedari pentingnya ilmu dalam karya sastera Melayu tradisional. Antaranya Ilmu Diplomatik (Salmah Jan Noor Muhammad, 2012), Ilmu Bedil (Wan Dasuki Wan Ismail, 2014), Ilmu Perkasihan (2014) dan Ilmu Perubatan (Harun Mat Piah, 2015). Kajian ini mampu membuktikan kandungan ilmu dan pemikiran pengarang dalam karya yang telah dihasilkan. Berdasarkan kepada genre kepustakaan ilmu tradisional, pembuktian tentang sastera Melayu bersifat fiksyen semata-mata dapat disanggah melalui kajian keilmuan yang dijalankan oleh sarjana Melayu. Justeru, dalam penulisan ini akan menumpukan satu lagi kajian dalam genre kepustakaan Melayu tradisional iaitu riadah. Manifestasi riadah ini akan membincangkan strategi, pengetahuan, kehebatan dan kebijaksanaan individu dalam menjalankan kegiatan riadah yang memberikan manfaat kepada fizikal dan mental seterusnya menunjukkan kebolehan raja-raja Melayu dalam menjalankan riadah.

1.2 Permasalahan Kajian

Riadah merupakan satu kegiatan yang dijalankan pada masa lapang dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Anthony Reid (1988: 174) dalam *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680* menyatakan dalam rekod terdahulu banyak mengandungi kehidupan sosial golongan raja. Kajian ini turut menyentuh beberapa naskhah di sekitar Asia Tenggara antaranya *Hikayat Aceh* dan *Hikayat Banjar*. Anthony juga menyatakan dalam rekod silam yang membincangkan kehidupan sosial tersebut, golongan raja melakukan aktiviti bukan kerana minat sehari-hari tetapi disebabkan adanya aktiviti seperti pertandingan, teater, muzik dan tarian tersebut merupakan demonstrasi kemegahan kuasa sesebuah kerajaan. Dengan adanya penglibatan golongan raja, maka mereka dapat menonjolkan dirinya sebagai tumpuan kerana kuasa luar biasa. Malah Anthony turut menjelaskan perayaan dan hiburan golongan raja disebabkan kerana keadaan iklim di Asia Tenggara mempunyai banyak kelebihan semula jadi, maka golongan raja mempunyai banyak masa untuk menumpukan kepada perkara yang diklasifikasikan sebagai masa lapang daripada orang kebanyakan pada masa tersebut.

Kajian oleh Jelani Harun (2018: 45) juga telah menyentuh riadah raja-raja dalam *Misa Melayu*. Riadah raja merupakan aktiviti riadah yang dilakukan oleh

para pemimpin setelah penat lelah menguruskan hal ehwal negara. Malah, Jelani turut menyatakan bahawa persoalan tentang riadah raja-raja memerlukan perbincangan yang lebih rapi melibatkan penerokaan sumber yang lebih menyeluruh. Penelitian ini penting untuk menilai peranan dan kepentingan yang merangkumi pembentukan keperibadian sahsiah raja-raja dalam hubungannya dengan pemerintahan negara.

Selain itu, Timothy P. Bernard (1994: 17) menyatakan sekitar abad ke-19 telah wujud kegiatan masa lapang yang melibatkan golongan elit di Riau yang berkait dengan aspek hiburan oleh golongan atasan dan bangsawan. Kajian ini menggunakan naskhah yang bertajuk *Taman Penghiburan (The Garden of Leisure)*. Timothy menyatakan kegiatan masa lapang ini penting dalam memahami cara hidup Islam, kesusasteraan dan politik kepada kerajaan Riau-Lingga serta refleksi kepada sikap golongan elit.

Malah, Stephen J. Page dan Joanne Connell (2010:7) menyatakan kajian tentang riadah penting untuk dikaji kerana banyak pandangan menyatakan bahawa masa lapang hanya berkaitan dengan keseronokan, kesenangan dan hiburan sehingga menyangkal kepentingan riadah kepada empat perkara penting iaitu psikologi, ekonomi, sosial dan politik. Manfaat dan kepentingan riadah turut disokong oleh beberapa penulis antaranya, Puteri Intan Safinaz dalam Noor Fazrina Kamal (2018) menyatakan sukan salah satu aktiviti riadah yang merupakan elemen penting kepada pembentukan sahsiah dan mampu membina keyakinan diri. Pada abad ke-14 sukan dilihat sebagai aktiviti yang menyihatkan kepada golongan bangsawan dan sebahagian daripada gaya hidup yang khusus, (Hinca Ip Pandjaitan XIII, 2011: 129). Selain itu, Habibah Ahmad dan Hamzah Jusoh (2012: 94) menyatakan bahawa riadah golongan bangsawan sangat berbeza daripada orang biasa, ini kerana bangsawan Melayu lebih mengutamakan percutian gaya barat.

Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (2018) telah bertitah supaya diterapkan budaya bersukan dan beriadah untuk menjadi sihat dan cergas agar mampu membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti kehidupan. Budaya ini juga antara asas yang menjadikan individu lebih proaktif dan kreatif dalam menghadapi cabaran semasa. Lokman Ismail (2016:8) menyatakan bahawa bersukan, bersenam dan beriadah sememangnya menjadi keperluan setiap individu malahan Mohd Syukri Anwar (2018:12) menyatakan bahawa sukan yang menjadi teras kepada kehidupan rakyat Malaysia, akan memberikan manfaat kerana rakyat yang mahir dan hebat akan mampu menjadi pesaing dalam kejohanan sukan berprestij. Oleh demikian, aktiviti ini mampu melahirkan individu yang sihat dan mampu berinteraksi antara satu sama lain selain aktiviti ini juga merupakan masa senggang yang berfaedah.

Pada kesinambungan itu, Muhammadhusnee Yanya et al. (2018:72), berpendapat bahawa Islam tidak melarang sebarang jenis sukan namun harus berpandangan bahawa sukan sebagai satu perkara yang disyariatkan

sebagaimana yang telah dilaksanakan ketika zaman Nabi Muhammad S.A.W. Riadah yang dijalankan mampu menguatkan fizikal, mengasah kemahiran dan meningkatkan keupayaan. Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamaruddin (2018:60) turut membincangkan tentang riadah dalam Islam. Menurut mereka berdua, Islam meletakkan riadah sebagai satu medium yang penting untuk kesihatan tubuh badan manusia bagi mengelakkan diri daripada sebarang penyakit. Oleh demikian dapat ditegaskan di sini, riadah sangat penting kepada kehidupan manusia bukan sahaja kepada kesihatan tubuh badan malah turut merangkumi aspek intelektual individu.

Selain itu, Azizah Mokhzani (2011: 175) menyatakan kehebatan raja-raja Melayu dalam sukan dan riadah dibuktikan melalui Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ketujuh yang sangat meminati aktiviti riadah sehingga media tempatan dan luar negara memberi gelaran kepada baginda iaitu Peminat Sukan Nombor Satu, *The Prince of Sports* dan *The King of Sports*. Kegiatan sukan dahulu sememangnya menjadi keutamaan beriadah dalam kalangan raja-raja Melayu sejak dahulu lagi.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, maka perlunya kajian yang berfokuskan kepada riadah yang berlaku pada zaman kesultanan Melayu dijalankan dengan meneliti naskhah Melayu lama kerana menurut Salmah Jan Noor Muhammad (2012: 12) naskhah Melayu lama merekodkan peristiwa zaman silam yang menjadi cerminan kepada kehidupan masyarakat pada zaman tersebut. Berbanding kajian-kajian sedia ada yang dinyatakan di atas, pengkaji merumuskan bahawa kajian tersebut hanya berfokuskan kepada manfaat dan kebaikan riadah kepada manusia secara keseluruhannya. Namun demikian, kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji akan membincangkan manifestasi riadah yang dijalankan oleh raja-raja dalam naskhah Melayu tradisional. Selain itu, kajian oleh Jelani Harun dan Anthony Reid antara kajian yang menggunakan naskhah Melayu tradisional. Kajian oleh Anthony Reid memperlihatkan empat aktiviti riadah yang bercorak festival dan perayaan yang dijalankan oleh raja-raja dalam naskhah Melayu dan Jelani Harun menggunakan teks *Misa Melayu* telah menyenaraikan aktiviti-aktiviti riadah yang dapat dijumpai dalam naskhah Melayu tradisional. Dapatkan beliau menjelaskan bahawa raja dalam *Misa Melayu* cenderung menjalankan riadah dengan bersiar-siar atau mencemar duli untuk mendekati rakyat-rakyat baginda. Justeru, dalam kajian ini pengkaji akan membincangkan kegiatan riadah yang dijalankan oleh raja-raja dalam naskhah Melayu tradisional merangkumi kerangka yang akan dibincangkan dalam bab 3.

Justeru, dalam penulisan ini akan diketengahkan lima naskhah epik dan historiografi Melayu yang menggambarkan pemikiran dan kepercayaan bangsa Melayu kerana terkandung ilmu pengetahuan seperti ilmu fikah, perubatan, perundangan dan perjanjian. Melalui penelitian ini akan dapat membincangkan maklumat berkenaan riadah yang telah dijalankan oleh raja sebagai pemerintah kerajaan. Justeru dalam hal ini terdapat beberapa persoalan kajian, antaranya:

- i. Apakah manifestasi riadah yang dijalankan oleh golongan pemerintah dalam naskhah epik dan historiografi?
- ii. Bagaimanakah manifestasi riadah memberikan implikasi kepada pemerintahan kesultanan Melayu.

1.3 Objektif Kajian

Bagi menjawab permasalahan kajian yang telah dinyatakan, kajian ini akan berfokuskan kepada tiga objektif kajian.

- i. Mengkategorikan manifestasi riadah dalam naskhah epik dan historiografi Melayu terpilih.
- ii. Menganalisis manifestasi riadah yang dilaksanakan oleh raja-raja dalam epik dan historiografi Melayu terpilih.
- iii. Merumus peranan riadah raja-raja dalam epik dan historiografi Melayu terpilih.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian manifestasi riadah dalam bidang kesusasteraan ini penting untuk memperkayakan bidang kepustakaan ilmu tradisional. Pelbagai kajian yang telah dijalankan tetapi riadah merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia perlu diketengahkan manfaatnya kepada masyarakat. Dalam meluaskan bidang kesusasteraan, riadah yang merupakan sebahagian daripada bidang sains sukan membuktikan bahawa sastera merangkumi setiap aspek kehidupan manusia terutamanya dari segi kesihatan tubuh badan manusia. Kajian ini sangat bermakna dan penting kerana mampu memberi impak kepada masyarakat melalui pembuktian pengurusan masa lapang dengan betul serta memberikan sumbangan kepada pengkaji akan datang untuk meneliti lebih mendalam tentang topik ini. Selain bidang kebudayaan Melayu, kajian riadah juga penting untuk mengangkat semula tradisi keilmuan dari segi sukan, rekreasi dan riadah tradisional yang semakin dilupakan pada masa ini. Ini menyumbang kepada kehidupan manusia yang dilihat kurang memberi penekanan terhadap aspek kesihatan disebabkan oleh kesibukan dalam kehidupan harian.

Selain itu, diharapkan kajian ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan kepada pelajar-pelajar kesusasteraan Melayu di institusi pengajian yang mempelajari dan menerokai bidang kepustakaan ilmu tradisional. Hal ini kerana, disiplin ilmu dalam kepustakaan ilmu tradisional masih baru diperkenalkan dan memerlukan lebih banyak kajian pada masa akan datang. Riadah turut terdapat dalam kesusasteraan Melayu moden namun pengkaji berpendapat bahawa kajian ini hanya berfokus kepada ilmu riadah dalam kesusasteraan Melayu tradisional

sahaja untuk melihat amalan riadah masyarakat tradisional sahaja. Ini kerana, pada masa kini riadah bukan sahaja sebagai kegiatan masa lapang tetapi sebagai industri pelancongan kepada negara.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini akan membataskan penggunaan beberapa naskhah Melayu tradisional yang tergolong dalam genre sastera epik dan historiografi Melayu. Pemilihan bahan berdasarkan kepada kandungan yang terdapat dalam karya tersebut. Aktiviti riadah yang dijalankan oleh raja-raja Melayu terdiri daripada aktiviti masa lapang, aktiviti luar, sukan dan rekreasi. Aspek kesihatan merupakan perkara utama dalam yang berkait rapat dengan setiap manusia. Bahan ini kerana mengandungi unsur-unsur sejarah dan ukuran masyarakat pada zaman karya tersebut dihasilkan. Naskhah ini digunakan kerana menurut Zalila Sharif dan Jamilah Hj Ahmad (1993: 282) karya ini mengandungi sejarah negara, sejarah keluarga yang memerintah, asal usul dan segala aktiviti yang berkaitan dengan golongan bangsawan. Selain itu, karya yang dipilih mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam penulisannya antaranya asal usul, jurai keturunan, kisah pembukaan negeri, kedatangan Islam dan keadaan negeri di peringkat akhir. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, jelas menunjukkan segala aktiviti seharian raja dicatatkan dalam karya yang dipilih. Malah dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam buku *Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak XXXV* (2015: 162), baginda menyatakan bahawa karya-karya yang dipilih pengkaji adalah antara karya agung yang dihasilkan oleh para pengarang Melayu atas titah raja. Karya ini mengandungi asal usul, kedaulatan, adat istiadat, hubungan antarabangsa, aktiviti seharian raja-raja, urusan pentadbiran, dan kebudayaan Melayu. Menurut Harun Mat Piah et, al. (2006: 317), karya-karya yang dihasilkan tergolong dalam naskhah epik dan historiografi Melayu mengandungi nilai-nilai yang dipegang dalam masyarakat zaman dahulu termasuklah segala maklumat tentang kehidupan masyarakat zaman dahulu. Justeru, berdasarkan kepada perbincangan tersebut karya-karya terpilih menepati ciri sebuah karya agung Melayu. Antara naskhah epik dan historiografi yang akan dijadikan bahan kajian ialah:

- **Sulalatus Salatin**

Sulalatus Salatin merupakan karya yang berunsur sejarah yang menceritakan tentang Empayar Kesultanan Melayu. Naskhah Sulalatus Salatin yang dipilih merupakan edisi yang diselenggara oleh A. Samad Ahmad terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Karya ini mengandungi gambaran hidup bangsa Melayu yang terdiri daripada golongan Raja-raja Melayu yang memerintah, adat istiadat, kepahlawanan dan kesetiaan rakyat, perhubungan diplomatik serumpun dan antarabangsa. (Abdul Latiff Abu Bakar, 2012: 17). Sulalatus Salatin dijadikan bahan kajian kerana karya ini menceritakan kehidupan seharian raja-raja Melayu termasuk aktiviti sosial baginda.

- **Hikayat Merong Mahawangsa**

Hikayat Merong Mahawangsa dipilih sebagai bahan kajian kerana karya ini menceritakan sejarah negeri Kedah. Teks yang digunakan merupakan teks yang dikaji dan diperkenalkan oleh Siti Hawa Haji Salleh terbitan Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya pada tahun 1988. Naskhah ini dipilih kerana mendasari sejarah negeri Kedah termasuklah perjalanan, pengembaraan, aktiviti sehari-hari dan kedaulatan institusi raja sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat. Belum ada kajian tentang riadah dan rekreasi yang menggunakan hikayat ini sebagai bahan kajian. Tambahan pula, teks ini banyak menceritakan perjalanan raja-raja mengembara dan belayar untuk pelbagai tujuan antaranya pembukaan negeri dan peluasan tanah jajahan. Kesimpulannya, naskhah *Hikayat Merong Mahawangsa* jelas menceritakan aktiviti sosial raja-raja dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

- **Hikayat Raja Pasai**

Naskhah *Hikayat Raja Pasai* dipilih dalam kajian ini adalah teks yang dikaji dan diperkenalkan oleh Russell Jones dan diterbitkan secara bersama Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1999. Teks ini mengandungi kisah pembukaan negeri, kedatangan Islam ke alam Melayu sehingga kejatuhan Pasai. Kisah-kisah ini diceritakan melalui raja-raja keluar daripada istana untuk menjalankan kehidupan sehari-hari seperti berburu dan belayar. Selain aktiviti di luar istana, raja-raja dalam teks ini turut menjalankan aktiviti kesenian dan kebudayaan di istana.

- **Misa Melayu**

Teks *Misa Melayu* yang dijadikan bahan kajian merupakan karya yang tergolong dalam sastera historiografi dihasilkan oleh Raja Chulan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1999. Dalam pengkajian tentang riadah, teks ini telah digunakan oleh Jelani Harun dalam kajian bertajuk Riadah dalam *Hikayat Misa Melayu* pada tahun 2018. Teks ini dipilih sebagai bahan kajian untuk membuat kesinambungan kajian yang telah dijalankan oleh beliau. Kajian Jelani hanya berfokuskan kepada beberapa aktiviti riadah antaranya mencemar duli, aktiviti kesenian dan belayar. Namun demikian, pengkaji akan menggunakan bahan kajian yang sama untuk menjalankan kajian secara lebih meluas.

- **Hikayat Hang Tuah**

Hikayat Hang Tuah merupakan karya epik atau kepahlawanan. Teks yang dipilih sebagai bahan kajian merupakan terbitan Yayasan Karyawan yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad. *Hikayat Hang Tuah* merupakan epik kebangsaan yang mengemukakan Hang Tuah sebagai watak yang agung. Teks ini melambangkan kemegahan dan kekuasaan bangsa Melayu melalui watak Hang Tuah. Teks ini dipilih kerana banyak menceritaan perjalanan Hang Tuah sebagai bangsawan yang telah berkhidmat dengan sultan penuh jujur, setia dan dedikasi. *Hikayat Hang Tuah* mengandungi aktiviti sehari-hari seperti riadah yang melibatkan golongan raja dan pembesar. Aktiviti sehari-hari ini termasuklah pertahanan diri, pengembalaan, pelayaran, seni persilatan dan kesenian.

1.6 Definisi Operasional

Dalam bahagian ini, pengkaji akan meneliti beberapa definisi operasional yang menjadi asas kepada kajian ini dijalankan. Seterusnya, pengkaji akan memberi penekanan terhadap definisi yang sesuai untuk menjadi asas kepada kajian ini. Definisi-definisi yang dibincangkan terdiri daripada kata riadah, rekreasi dan leisure untuk melihat persamaan dan perbezaan makna perkataan yang dipilih kerana semuanya membicarakan tentang masa lapang.

1.6.1 Riadah

Istilah riadah ini berkait rapat dengan perkataan lain seperti masa lapang, rekreasi dan bersantai. Riadah menurut K.H Choer Affandi (2007: 11) dari segi bahasa dikenali sebagai *riyadhah* yang bermaksud olahraga manakala riadah dari segi istilah pula dikenali sebagai perbuatan melatih jiwa agar sentiasa istiqamah dalam beribadah kepada Allah, patuh perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Malah H. Syukriadi Sambas dan Tata Sukayat (2003: 135) menyatakan dalam kalangan tasawuf, *riyadhah* bertujuan sebagai latihan kerohanian dengan menjalankan ibadah serta menundukkan keinginan nafsu syahwat. Manakala Nik Muhammad Lohman Hashim (2018: 4) menyatakan riadah sebagai satu bentuk pengalaman, aktiviti dan senaman yang memberikan keseronokan, kesegaran dan menghiburkan dilakukan secara sukarela serta memberikan kepuasan kepada pelakunya. Hilmi Ibrahim (1991: 43) menyatakan riadah sebagai aktiviti yang merehatkan minda dan tubuh badan manusia daripada aktiviti sehari-hari dan bebas daripada urusan kerja serta urusan rasmi.

Jelani Harun (2018: 45) menyokong pandangan tersebut dengan memberikan definisi riadah sebagai aktiviti masa lapang, kegiatan rehat atau masa senggang yang bebas daripada tugas-tugas rasmi dan ia bergantung kepada kecenderungan individu menggunakan pelbagai kemahiran untuk mengisi masa terluang sama ada berehat, bersukan, berburu, mengembara dan pelbagai

bentuk rekreasi yang lain. Nurul Aini K. Azhari (2006: 90) menyatakan riadah juga merupakan aktiviti fizikal yang mempengaruhi kesihatan fizikal dan mental setiap orang.

Selain itu, Habibah @ Artini Ramlie dan Zaharah Hussin (2017: 60) menyatakan riadah sebagai latihan kerohanian yang merujuk kepada manifestasi penyucian jiwa dalam dimensi yang berbentuk kerohanian untuk mencapai objektif tertentu. Manakala, Sahid Ariffin (2005: 60) pula mendefinisikan *riyadhhoh* sebagai cara mengasingkan diri daripada keramaian atau dengan cara berkhalwat. Amalan ini dimaksudkan sebagai menjaga diri daripada orang lain agar lidah, tangan dan anggota lainnya tidak menyakiti orang sekeliling.

1.6.2 *Leisure*

Seterusnya, perkataan *leisure* juga berkait rapat dengan masa lapang atau masa senggang. Menurut Md. Amin Md. Taff (2011: 27) *leisure* berasal daripada perkataan Latin iaitu *Licere* yang bermaksud bebas atau senggang malah turut dimaksudkan sebagai waktu senggang individu yang bebas daripada rutin pekerjaan sehari-hari. Manakala, Christopher et, al. (2002: 14) *leisure* merupakan sebahagian daripada cara hidup sosial individu dan kebebasan untuk memilih aktiviti merangkumi aktiviti positif mahupun negatif. Menurut Bammel, G & Bammel, L.L.B (1982: 22) pula, *leisure* merupakan aktiviti yang dilakukan setelah selesai sesuatu kerja dan masa lapang sebagai kegiatan kebudayaan, opera, muzik dan balet. *Leisure* merupakan tingkah laku yang dikelaskan mengikut masa lapang yang memberikan penekanan secara konsisten oleh ahli psikologi sebagai masa untuk pertumbuhan dan pembangunan diri.

Stephen J. Page and Joanne Connell (2010:5) menyatakan *leisure* merupakan aktiviti yang dilakukan dalam masa lapang secara sukarela. disokong oleh David (1972) dalam Nik Muhammad Lokhman Hashim (2018: 4) menyatakan *leisure* sebagai perasaan menghiburkan yang dinikmati daripada pengalaman seseorang dengan memperoleh kesenangan dan kepuasan hasil daripada penggunaan mental, fizikal dan daya kreatif. Manakala, A.J Veal (1992: 3) menyatakan *leisure* sebagai kecenderungan seseorang menghabiskan masa lapang secara individu sama ada untuk berehat, berhibur, menambah pengetahuan atau meningkatkan kemahiran dengan melibatkan diri secara individu selepas daripada rutin sehari-hari seperti kerja, urusan keluarga dan tugas sosial.

Julie Gibsin dan Ian Wood (2000: 2) menyatakan bawah perkataan *leisure* merujuk kepada kelapangan masa daripada kerja dan kesibukan manakala rekreasi berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan pada masa lapang. Seterusnya Anthony Reid (1988: 173) mendefinisikan *leisure* sebagai konsep

masa lapang yang berlawanan dengan tuntutan kerja sehari-hari dan sebagai produk moden masyarakat perindustrian.

1.6.3 Rekreasi

Seterusnya, rekreasi juga merupakan sebahagian daripada riadah. Namun demikian, rekreasi merujuk kepada aktiviti luar yang dijalankan di hutan, taman permainan dan kawasan terbuka. Rekreasi menurut M. Adli Mohd Sidi, et. al. (2018: 2), ialah sebarang bentuk aktiviti yang dilakukan secara sukarela tanpa paksaan pada masa senggang melibatkan diri kepada aktiviti berfaedah dan mampu memberikan impak positif kepada individu serta komuniti. Malahan, penggemar-penggemar rekreasi terdiri daripada pelbagai golongan yang bertujuan untuk mendapatkan pengalaman. Manakala, Jaffry Zakaria, Md Amin Md Taff dan Benderi Dasril (2005:1) mendefinisikan rekreasi sebagai aktiviti pengisian masa lapang oleh individu untuk tujuan menikmati keseronokan termasuklah aktiviti-aktiviti yang melibatkan mereka di luar waktu bekerja. Rekreasi juga bertujuan untuk mencari ilmu secara tidak langsung yang melibatkan alam semula jadi bertujuan untuk membina kesedaran kepada individu. Justeru, rekreasi merupakan aktiviti luar yang dilakukan secara sukarela pada masa lapang, dilakukan di luar kawasan, melibatkan interaksi sosial dan menjalinkan hubungan erat secara langsung dengan alam semula jadi.

Takrif riadah akan digunakan dalam kajian ini kerana pengkaji mendapati riadah merangkumi aktiviti-aktiviti yang positif, mendekatkan diri kepada Allah, menambah pengetahuan, keseronokan dan kegembiraan. Riadah juga merujuk kepada aktiviti masa lapang, rehat, aktiviti fizikal dan kegiatan kerohanian. Pengkaji mendapati definisi riadah berkaitan antara satu sama lain. Justeru, pengkaji menggunakan ‘riadah’ sebagai elemen penting dalam meneliti manifestasi riadah di dalam naskhah epik dan historiografi Melayu terpilih.

1.7 Kesimpulan

Kandungan yang disampaikan secara tersirat dan memerlukan pemikiran yang kritis oleh pembaca. Oleh demikian, menjadi peranan kepada pengkaji merungkaikan dan menganalisis karya-karya yang dihasilkan pada zaman dahulu untuk diketengahkan dan seterusnya menimbulkan minat kepada generasi kini untuk menelaah ilmu dalam naskhah Melayu.

Kesimpulannya, manifestasi riadah dalam kesusasteraan Melayu tradisional masih lagi baharu dan perlu diterokai sebagai cabang dalam kepustakaan Melayu. Berdasarkan kepada definisi yang telah diberikan oleh sarjana menunjukkan bahawa ilmu ini memberikan sumbangan besar terhadap bidang sukan dan rekreasi. Justeru kepustakaan ilmu tradisional memerlukan lebih banyak kajian agar kesusasteraan Melayu sentiasa berkembang selari dengan peredaran zaman. Sekiranya kesusasteraan Melayu tradisional tidak dikaji akan

menyebabkan bidang ini tenggelam dan semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat. Seharusnya, kesusastraan Melayu tradisional perlu diaruspertandakan kepada generasi muda kerana mereka merupakan pewaris yang akan mewarisi khazanah yang sangat berharga kepada bangsa dan negara.



BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (1994). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- A. Aziz Deraman. (2005). *Asas Pemikiran Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2005). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. J Veal (1992). Definition of Leisure and Recreation. *Australian Journal of Leisure and Recreation*. 2(4), hlm 44-48.
- A. Samad Ahmad. (2015). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab Samad Kechot, Rahim Aman & Sahidi A.H. (2017). Komunikasi Sosial dalam Kalangan Etnik di Lembangan Sadong: Gendang Melayu Sarawak. *Jurnal Komunikasi*. 33(1), hlm 158-172.
- Abd. Rahman Ismail (2009). *Seni Silat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali (2006). Konsep Keindahan dalam Kesusastraan Melayu Tradisional. *PENDETA-Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*. hlm 99-117.
- Abdul Kadir. (2017: 3) Jiwa Hedonisme Anak Muda. *Tunas Cipta*, hlm 3.
- Abdul Rahman Abdullah. (2003). *Menjadi Intelektual*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Awang (2018, Jun). Sukan dan Puasa. *Dewan Budaya*. 06, hlm 14-16.
- Abu Hassan Ali. (2006). *Kesihatan dalam Konteks Islam*. Shah Alam. Penerbitan Dar Hakamah.
- Adibah Sulaiman @ Mohamad & Ezad Azraai Jamsari. (2011). Tradisi Keintelektualan Melayu dan Transformasi Pendidikan Agama Awal abad ke-20 dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN): Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Bangi. UKM.
- Adibah Sulaiman @ Mohamad, Ezad Azraai Jamsari & Nurliyana Mohd Talib. (2016). Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Syeikh Ahmad al-Hadi. *ISLAMIYYAT*. 38(2), hlm 93-102.

